



Bilangan Kami :

SULIT

JPPPW/EXT/3200/04(YS/OJ/FHJ)

28 Oktober 2015

Encik James Tan Tien Chong
Presiden
Persatuan Pengusaha Kecil dan Sederhana Johor Selatan
No. 143A
Jalan Bakawali 50
Taman Johor Jaya
81100 Johor Bahru
Johor

Tuan,

Majlis Pelancaran Projek Greenback 2.0 di Johor Bahru, Johor Darul Takzim.

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman tuan, Projek Greenback 2.0 merupakan projek bersama antara Bank Negara Malaysia (Bank) dan Bank Dunia (The World Bank) dengan objektif untuk meningkatkan kesedaran, ketelusan dan persaingan yang sihat dalam industri pengiriman wang di samping menggalakkan penggunaan saluran formal pengiriman wang. Di bawah projek ini, Bandaraya Johor Bahru telah dipilih sebagai '*champion city*' yang akan menjadi bandar yang pertama di Malaysia merealisasikan strategi pengiriman wang yang inovatif dan strategi-strategi yang berkesan akan diaplikasikan secara berperingkat ke seluruh negara. Kumpulan sasaran utama bagi projek ini adalah pekerja asing dan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS).

3. Sehubungan itu, pihak Bank ingin menjemput tuan berserta dua (2) orang wakil daripada Persatuan Pengusaha Kecil Dan Sederhana Johor Selatan (PPKS Johor Selatan) berserta 20 wakil daripada syarikat-syarikat yang berdaftar di bawah PPKS Johor Selatan untuk menghadiri majlis pelancaran Projek Greenback 2.0 yang dijadualkan pada tarikh, masa dan tempat seperti berikut:

Tarikh: 29 November 2015 (Ahad)
Masa: 9.30 am – 12.45 pm
Tempat: DoubleTree by Hilton Hotel Johor Bahru
12, Jalan Ngee Heng
80000 Johor Bahru
Johor

Majlis perasmian ini akan dilancarkan oleh Datuk Bandar Majlis Bandaraya Johor Bahru, Tuan Haji A. Rahim Bin Haji Nin dan Timbalan Gabenor Bank Negara Malaysia, Dato' Muhammad Bin Ibrahim.

4. Untuk makluman tuan, selepas majlis pelancaran tersebut, tuan dan wakil juga dijemput untuk mendengar taklimat yang akan disampaikan oleh Persatuan Perniagaan Perkhidmatan Wang Malaysia mengenai perkhidmatan pengiriman wang khususnya produk-produk yang ditawarkan oleh pengendali pengiriman wang.

5. Bagi melicinkan proses pendaftaran, sukacita sekiranya pihak tuan dapat melengkapkan borang seperti dilampirkan dan dikembalikan kepada kami melalui talian faksimili 03-26970798 sebelum 5 November 2015.

6. Kerjasama dan sokongan pihak tuan dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih. Sekiranya tuan memerlukan maklumat lanjut, pihak tuan boleh berhubung dengan pegawai-pegawai kami seperti berikut:

Nama	No. telefon	Alamat emel
Connie Siew Chun Hong	03-26988044 samb. 7869	conniesiew@bnm.gov.my
Faridah Hanum Jamaludin	03-26988044 samb. 7458	faridahh@bnm.gov.my

Sekian.

Yang benar,



(Shahariah Othman)

Pengarah

Jabatan Pengawalan Perniagaan Perkhidmatan Wang